



“ Keredhaan Dicari Keberkatan Menanti ”

(14 April 2016 / 17 Rejab 1438)

الْحَمْدُ لِلَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ :

أَفَحَسِبْتُمْ أَنَّمَا خَلَقْنَاكُمْ عَبْرًا وَأَنَّكُمْ إِلَيْنَا لَا تُرْجَعُونَ ﴿١١٥﴾
Al-Mu'minun:115
أَشْهُدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ سَيِّدَنَا وَنَبِيَّنَا
مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ خَاتَمِ
النَّبِيَّاءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ
اتَّقُوا اللَّهَ، أُووصِنُّكُمْ وَإِيَّاهُ يَبْتَقُوا اللَّهَ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ.

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Saya berpesan kepada diri saya dan menyeru sidang Jumaat yang dikasih sekalian, marilah sama-sama kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan bersungguh-sungguh melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kehidupan ini mendapat keberkatan di dunia dan di akhirat. Mimbar pada hari ini akan membicarakan khutbah bertajuk “KEREDHAAN DICARI KEBERKATAN MENANTI”.

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH

Islam adalah agama kesejahteraan yang datang daripada Allah SWT untuk seluruh manusia. Ajaran dan panduannya meliputi segenap aspek kehidupan termasuk dalam konteks mencari rezeki yang halal. Agama Islam memandang bahawa mencari rezeki dan kesenangan hidup adalah satu tuntutan atau kewajipan ke atas setiap manusia, sama ada untuk dirinya sendiri mahupun orang yang di bawah tanggungannya. Namun apa yang penting rezeki yang

diperolehi itu hendaklah dari sumber yang halal, baik dan diberkati. Oleh itu, dalam kita mencari rezeki misalnya sebagai seorang peniaga atau pengusaha hendaklah kita mengamalkan sifat yang jujur, amanah serta tidak melakukan penindasan ke atas orang lain. Usaha ini bukan sahaja mendatangkan hasil rezeki malah akan diberi ganjaran oleh Allah SWT. Sepertimana sabda Nabi SAW dalam hadith yang diriwayatkan oleh Imam At-Tirmizi daripada Abi Said al-Khudri RA bahawa Rasulullah SAW bersabda:

عَنْ أَبِي سَعِيدٍ عَنْ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: الْتَّاجِرُ الصَّدُوقُ الْأَمِينُ مَعَ النَّبِيِّنَ
وَالصِّدِيقِينَ وَالشُّهَدَاءِ (رواه الإمام الترمذى)

Mafhumnya: “Dari Abi Said Al-Khudri RA bahawa Nabi SAW bersabda: Peniaga yang dapat dipercayai dan amanah, akan bersama para Nabi, orang-orang yang dapat dipercayai dan orang-orang yang mati syahid.”

Hadir ini memberi maksud bahawa setiap peniaga hendaklah sentiasa jujur dalam setiap aktiviti perniagaan dan mengelakkan penipuan seperti mengurangkan timbangan, mencampur aduk barang yang bermutu dan kurang bermutu, menaikkan harga barang sesuka hati dan menyembunyikan barang dengan tujuan menaikkan harga barang. Sebagai seorang peniaga yang beriman, seharusnya sentiasa sedar bahawa setiap tindakan yang dilakukan akan dihitung dan diberi balasan oleh Allah SWT, sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Mu'minun ayat 115:

١١٥ أَفَحَسِبْتُمْ أَنَّمَا خَلَقْنَاكُمْ عَبْرًا وَأَنَّكُمْ إِلَيْنَا لَا تُرْجَعُونَ

Maksudnya: “*Maka adakah patut kamu menyangka bahawa Kami hanya menciptakan kamu sia-sia sahaja? Dan kamu tidak akan dikembalikan kepada Kami?*”

Menelusuri sirah Rasulullah SAW, bahawa Nabi SAW telah memperkenal dan mengamalkan mekanisme hisbah (pemeriksaan dan pemantauan) yang mana Rasulullah SAW sering berkunjung ke pasar untuk memeriksa aktiviti jual beli dan penentuan harga. Pernah suatu ketika Nabi SAW menemui amalan menjual

buah tamar secara tidak jujur yang mana didapati buah tamar diletakkan dalam bekas yang besar dengan menyembunyikan tamar yang tidak baik dibahagian bawah bekas tersebut supaya tidak disedari oleh pembeli. Melihat penipuan yang diamalkan ini Nabi SAW bersabda yang mafhumnya: “*Sesiapa yang menipu maka dia bukan dari kalangan kami iaitu bukan dari kalangan orang yang sempurna iman dan baik Islamnya.*” (Riwayat Bukhari)

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH

Kejayaan sesuatu usaha tidak dicapai melalui tindakan satu pihak semata-mata. Oleh itu, dalam hal ini tidak seharusnya hanya pihak pemerintah atau peniaga sahaja yang perlu sedar akan tanggungjawab, bahkan pengguna juga seharusnya memainkan peranan dan tanggungjawabnya. Pengguna mempunyai hak untuk mendapat pendidikan dan maklumat yang tepat mengenai barang yang dijual bagi memudahkan mereka membuat dan menentukan pilihan mereka berdasarkan perkhidmatan yang ditawarkan pada harga yang kompetitif dan jaminan kualiti yang memuaskan. Pengguna juga berhak untuk mendapat penyelesaian yang adil bagi pembelian barang dan tawaran perkhidmatan yang tidak memuaskan serta berhak untuk menyuarakan kepentingan pengguna dalam penggubalan dan pelaksanaan dasar kerajaan yang berkaitan.

Pengguna juga berkuasa untuk menyuarakan pendapat dan perlu lebih responsif terhadap salah laku dalam perniagaan dengan melapor kepada pihak yang berkuasa. Dengan kata lain, pengguna seharusnya menjadi mata dan telinga kepada pihak berkuasa dalam membanteras isu-isu penindasan dan penipuan yang dilakukan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Hal ini bertepatan dengan saranan Nabi SAW sebagaimana hadith yang diriwayatkan Imam Muslim daripada Abi Said Al-Khudri RA bahawa Nabi SAW bersabda:

عَنْ أَبِي سَعِيدِ الْخُدْرِيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: مَنْ رَأَىٰ مِنْكُمْ مُنْكِرًا فَلْيَعْتَرِفْ بِهِ، فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَبِلِسَانِهِ، فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَبِقَلْبِهِ وَذَلِكَ أَضْعَافُ الْإِيمَانِ (رواه مسلم)

Mafhumnya: “Dari Abu Sa’id Al Khudri RA berkata: Saya mendengar Rasulullah SAW bersabda: Sesiapa yang melihat kemungkaran maka hendaklah dia mengubah dengan tangannya, jika tidak mampu maka ubahlah dengan lisannya, jika tidak mampu maka (tolaklah) dengan hatinya dan hal tersebut adalah selemah-lemahnya iman.” (Riwayat Muslim)

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH

Sempena sambutan Hari Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDKKK) ke-45 tahun 2017 yang bertemakan “Menjunjung Aspirasi Negara” mimbar ingin mengajak sidang Jumaat sekalian Sama-Sama Menyokong Dan Memberi Kerjasama kepada pelbagai langkah dan penguatkuasaan yang dijalankan oleh pihak kementerian bagi tujuan melindungi kepentingan masyarakat sebagai pengguna.

untuk menghayati intipati khutbah yang disampaikan pada hari ini, antaranya:

Pertama: Setiap pengusaha dan peniaga hendaklah bersikap jujur dan amanah dalam menjalankan aktiviti perniagaan dan yakin bahawa setiap yang dilakukan akan dihitung dan diberi balasan oleh Allah SWT.

Kedua: Setiap individu perlu menjadi pengguna berilmu, bijak dan tahu hak serta kuasa yang ada di tangan mereka dalam membanteras isu-isu penindasan dan penipuan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

Ketiga: Sikap prihatin dan bertanggungjawab semua pihak memungkinkan kesejahteraan dan kemakmuran negara yang tercinta.

وَابْتَغِ فِيمَا آتَيْتَكَ اللَّهُ الدَّارُ الْآخِرَةَ ۚ وَلَا تَنْسَ نَصِيبَكَ مِنَ الدُّنْيَا ۚ وَأَحْسِنْ
كَمَا أَحْسَنَ اللَّهُ إِلَيْكَ ۖ وَلَا تَبْغِ الْفَسَادَ فِي الْأَرْضِ ۖ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ الْمُفْسِدِينَ



Maksudnya: "Dan tuntutlah dengan harta kekayaan yang telah dikurniakan Allah kepadamu akan pahala dan kebahagiaan hari akhirat dan janganlah

engkau melupakan bahagianmu (keperluan dan bekalanmu) dari dunia; dan berbuat baiklah (kepada hamba-hamba Allah) sebagaimana Allah berbuat baik kepadamu (dengan pemberian nikmatNya yang melimpah-limpah); dan janganlah engkau melakukan kerosakan di muka bumi; sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang berbuat kerosakan ".(Al-Qasas: Ayat77)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ وَنَفْعَنِيْ وَإِيَّا كُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيمِ وَتَقْبِيلَ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا
وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمْرَ، أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، إِقْرَارًا بِرُبُوبِيَّتِهِ وَإِرْغَامًا لِمَنْ جَحَدَ بِهِ وَكَفَرَ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ سَيِّدُ الْجِنِّ وَالْبَشَرِ . اللَّهُمَّ فَصَلِّ وَسِلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ الْمُصَابِيحِ الْغَرِيرِ . أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا النَّاسُ، اتَّقُوا اللَّهَ فِيمَا أَمْرَ، وَانْتَهُوا عَمَّا نَهَاكُمْ عَنْهُ وَحَذَرْ . وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرَكُمْ بِأَمْرٍ بَدَأَ فِيهِ بِنَفْسِهِ وَثَنَى بِمَلَائِكَتِهِ الْمُسَبِّحَةِ بِقُدْسِهِ . فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى وَمَ يَرْلُ قَائِلًا عَلِيمًا: ﴿إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلِّونَ عَلَى الَّتِي يَأْمُرُهَا الَّذِينَ

ءَامَنُوا صَلَوَاتُهُ وَسَلَامُوا تَسْلِيمًا﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَحِيدٌ . وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْأَرْبَعَةِ الْخُلُفَاءِ الرَّاشِدِينَ سَادَاتِنَا أَيُّ بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ ابْنِ أَبِي طَالِبٍ، وَعَنْ أَزْوَاجِ نِسَيْنَا الْمُطَهَّرَاتِ مِنَ الْأَذْنَاسِ وَعَنْ أَهْلِ بَيْتِهِ وَقَرَابَتِهِ وَعَنْ سَائِرِ الصَّحَابَةِ الْأَكْرَمِينَ، وَالْتَّائِبِينَ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ، وَارْضَ عَنَّا بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،
وَالْأَلْفَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَأَصْلَحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ، وَانْصُرْهُمْ عَلَى عَدُوِّهِمْ وَعَدُوِّهِمْ. اللَّهُمَّ انصُرْ سَلاطِينَ
الْمُسْلِمِينَ وَأَيَّدْهُمْ بِالْتَّقْوَى وَالتَّوْفِيقِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ، وَأَعْلَمْ كَلِمَةَ الْمُوَحَّدِينَ، وَأَدْمِمْ لَهُمُ الْعِزَّةَ
وَالْتَّمَكِّينَ. اللَّهُمَّ اهْدِنَا سُبُّلَ السَّلَامِ وَأَخْرِجْنَا مِنَ الظُّلُمَاتِ إِلَى النُّورِ، وَجَنِبْنَا الْفَوَاحِشَ مَا
ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَّنَ.

اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالْعَافِيَةَ عَلَى عَبْدِكَ الْحَارِسِ لِشَرِيعَتِكَ
مَلِكِنَا؛

كاوه دولي يعْ منها موليا سري فادوك بكيندا يعْ دفتروان أكنوع كلها بلس
سلطان محمد كلها وعلی کل قرابته أجمعین

أَصْلَحْ اللَّهُ مُلْكَهُ وَإِحْسَانَهُ وَفَيَضَّ لَهُ عَدْلَهُ وَبَلَغَهُ مِنَ الْخَيْرِ مَا شَاءَهُ. اللَّهُمَّ أَدِمْ
الشَّرْعَ الشَّرِيفَ لَهُ وَلِوُزَرَائِهِ سَبِيلًا وَمِنْهَا جَأْ. وَارْزُقْهُمُ التَّوْفِيقَ لِكُلِّ خَيْرٍ
وَاجْعَلْهُمْ سِرَاجًا وَهَاجًَا. اللَّهُمَّ اجْعَلْ مَالِيزِيَا وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ طَيِّبَةً آمِنَةً
مُطْمَئِنَّةً رَّحِيَّةً. اللَّهُمَّ سَلِّمْ بِلَادَنَا مِنَ الْمُفْسِدِينَ وَطَهِّرْهَا مِنَ الْمُتَسْرِفِينَ وَوَفِقْنَا
جَمِيعًا لِطَاعَتِكَ وَطَاعَةِ رَسُولِكَ مُحَمَّدٌ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَطَاعَةِ مَنْ أَمْرَنَا
بِطَاعَتِهِ.

Ya Allah, kami memohon agar dengan rahmat dan perlindungan Mu, negara kami ini dan seluruh rakyatnya dikekalkan dalam keamanan dan kesejahteraan. Tanamkanlah rasa kasih sayang dankekalkanlah perpaduan di kalangan kami. Semoga dengannya kami sentiasa hidup aman damai, sejahtera dan selamat sepanjang zaman.

(رَبَّنَا لَا تُزِغْ قُلُوبَنَا بَعْدَ إِذْ هَدَيْتَنَا وَهَبْ لَنَا مِنْ لَدُنْكَ رَحْمَةً إِنَّكَ أَنْتَ الْوَهَابُ)

(رَبَّنَا إِنَّا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةٌ وَقَنَا عَذَابَ النَّارِ)

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَةِ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ)

فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.